

Program V2i tingkatkan siasah diri mahasiswa universiti

JOHOR BAHRU – Lebih 350 mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mengadakan pelbagai aktiviti bagi menceriakan warga emas yang menghuni Rumah Seri Kenangan di Kampung Ungku Mohsin di sini baru-baru ini.

Program Kesukarelawan Mahasiswa Universiti bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang dikenali sebagai V2i itu melibatkan pelajar UTHM dari Batu Pahat bersama kira-kira 400 penghuni rumah itu.

Pengarah JKM negeri, Datuk Daud Arbah berkata, tujuan V2i dianjurkan bagi mewujudkan semangat kesukarelaan dalam kalangan pelajar universiti serta meningkatkan kesejahteraan golongan warga emas.

“Kehadiran mahasiswa UTHM ini bagi membantu menceriakan penghuni Rumah

Seri Kenangan dengan pelbagai program seperti khidmat keceriaan, gotong-royong dan penjagaan kesihatan warga emas.

“Mahasiswa juga terlibat dalam aktiviti bersukan, keagamaan, kebudayaan dan kesenian bersama penghuni rumah kebajikan tersebut,” katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Hadir sama Timbalan Pengarah JKM negeri, Rosnah Sadri; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UTHM, Prof. Madya Dr. Asri Selamat dan Timbalan Penguasa Rumah Seri Kenangan, Wan Zalina Wan Ismail.

Menurut Daud, pihaknya menyasarkan lebih ramai pelajar UTHM akan menyertai program V2i setiap tahun dalam memberikan khidmat sukarelawan di rumah kebajikan di bawah JKM di negeri Johor.



DAUD (depan di tengah) bergambar bersama sebahagian peserta program Kesukarelawan Mahasiswa Universiti dan penghuni Rumah Seri Kenangan di Johor Bahru baru-baru ini.